

27 JUN 1999

Mahathir-Korporat

KERAJAAN TIDAK PERLU SOKONGAN KORPORAT YANG TIDAK TAHU MENGENANG BUDI

LANGKAWI, 27 Jun (Bernama) -- Kerajaan tidak memerlukan golongan korporat yang tidak tahu mengenang budi dan berterima kasih dengan bantuan yang diberikan kepada mereka selama ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya kerajaan telah mewujudkan iklim perniagaan yang membolehkan golongan korporat ini menjadi kaya tetapi mereka sebaliknya akan memarahi kerajaan apabila tidak mendapat sesuatu yang mereka inginkan.

"Tidak betullah (tindakan) mereka memarahi kerajaan kerana semasa mereka susah dan mahukan sesuatu daripada kerajaan, mereka datang meminta tolong kerana mereka takut bangkrap.

"Tetapi apabila kita tolong, mereka tidak tahu bersyukur dan berterima kasih," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program "Langkawi Travel Mart" di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai tindakan segelintir ahli korporat yang kini menyokong parti pembangkang.

Perdana Menteri berkata Umno tidak dapat menerima golongan seperti ini dan adalah lebih baik sekiranya mereka mahu menyokong parti lawan.

"Kita pun tidak rugi. Tetapi saya ingin jelaskan di sini, ramai lagi penyokong kerajaan di kalangan mereka yang tahu menunjukkan sikap bersyukur dan berterima kasih," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sedar ramai daripada ahli korporat menghadapi masalah semasa kegawatan ekonomi dan mereka mungkin marah setelah kerajaan tidak mampu memberikan pertolongan.

Oleh kerana mereka marah, kini mereka masuk parti lawan seperti kata orang "...bila untung mereka baik dan apabila rugi mereka tidak baik."

"Orang macam ini kalau tidak jadi penyokong kita pun tidak mengapa. Kerana orang macam ini tidak boleh dipercayai," katanya.

Perdana Menteri juga enggan mengulas mengenai desas-desus mengatakan anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah akan dilantik sebagai menteri penuh berikutan pelantikannya sebagai pengerusi badan perhubungan Umno negeri Kelantan.

-- BERNAMA

NH RON